

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 01/08/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 43

Tajuk : Operasi sekolah turut main peranan kebajikan pelajar



CHE MOHD. SHUKREE CHE ISA (tujuh dari kanan) menyampaikan anugerah kepada guru koperasi sempena Hari AKKS 2019 di SMK Jalan Bukit, Kajang, dekat Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

## Koperasi sekolah turut main peranan kebajikan pelajar

**KUALA LUMPUR 31 Julai** - Selain untuk tujuan menjana keuntungan, koperasi di sekolah boleh berperanan membantu menjaga kebajikan pelajar terutama yang susah.

Naib Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), Datuk Che Mohd. Shukree Che Isa berkata, koperasi bukan hanya mengajar pelajar menjadi usahawan tetapi membantu pelajar dan gurunya yang memerlukan.

“Koperasi ibarat kariah membantu pelajar susah terutama pelajar yang tidak mampu un-

tuk membayar duit peperiksaan atau mereka tidak ada duit belanja untuk membeli makan. Koperasi sekolah akan bantu,” katanya ketika ditemui pemberita dalam majlis perasmian Hari Koperasi Sekolah dan Karnival Kokurikulum Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Bukit, di sini hari ini.

Sementara itu, Pengetua Cemerlang SMKJB, Roslina Che Omar berkata, penekanan diberikan kepada pelajar mengawal selia perniagaan di koperasi secara sukarela membuatkan mereka bersaing secara sihat.

“Saya suka pelajar sendiri yang mengawal perniagaan tanpa ada paksaan daripada mana-mana pihak. Jadual yang sangat padat membolehkan mereka membahagikan masa serta belajar menjual produk-produk yang ada di koperasi.

“Oleh kerana sekolah kami ada tiga kaum, pada awalnya saya melihat hanya satu kaum sahaja yang mengawal koperasi jadi saya menggalakkan lagi pelajar-pelajar yang lain bersaing secara sihat dengan bimbingan dan latihan daripada guru-guru koperasi,” ujarnya.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA